

Bos Glomac juga dalam senarai MB BN di S'gor
MalaysiaKini.com
April 11, 2013
Oleh Aidila Razak

Walaupun calon menteri besar BN di Selangor makin mari makin banyak, Ketua Pegawai Eksekutif Glomac (CEO) Fateh Iskandar Mansor nampaknya konsisten dalam senarai itu.

Lebih dikenali sebagai FD Iskandar, spekulasi seputar ahli perniagaan itu mula timbul apabila beliau dilantik sebagai bendahari Umno Selagor pada 2009.

Selepas empat tahun, ahli akademik masih melihatnya sebagai calon pilihan untuk kerusi itu sekiranya BN kembali merampas Selangor dari Pakatan Rakyat.

FD Iskandar (kanan), 48, menganggotai lembaga syarikat berkaitan BN yang terkenal.

(FD merupakan singkatan daripada nama datuknya Fateh Din. Singkatan ini turut digunakan oleh bapanya, FD Mansor.)

Pada 2009, beliau diletakkan dalam lembaga Kumpulan NSTP dan Media Prima Bhd, yang dilihat bagi mewakili kepentingan Umno dalam syarikat itu.

Sumber-sumber mendakwa, Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak sendiri menawarkan jawatan itu kepada FD Iskandar dan pelantikannya sebagai bendahari BN negeri sebenarnya khas bagi tujuan itu.